

Headline **Rangkaian siber**  
Date **17. May 2008**  
Media Title **Utusan Malaysia**  
Section **Yo!**  
Circulation **238082**  
Readership **833287**

Language **MALAY**  
Page No **7**  
Article Size **444** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**



MOHD. Yasin Mohd Salleh merasmikan Karnival Remaja Rakan Muda di Bukit Jalil, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

# Rangkaian siber

## di setiap pusat kegiatan Rakan Muda

Oleh HAMIMAH HAMID  
Gambar AHMAD ZAKKI JILAN

**KEMENTERIAN** Belia dan Sukan (KBS) akan melengkapkan setiap pusat kegiatan Rakan Muda dengan kemudahan rangkaian siber.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ismail Sabri Yaakob berkata, kemudahan tersebut bakal dilengkapkan dengan peralatan, perisian dan talian *online*.

"Ahli-ahli dan golongan remaja setempat akan mendapat manfaat daripada latihan kemahiran menggunakan komputer yang akan disediakan di pusat itu nanti," katanya pada Majlis Perasmian Karnival Remaja Rakan Muda di Bukit Jalil, baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Mohd. Yasin Mohd. Salleh.

Turut hadir ialah Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara, Datuk Fathul Razi Bakri; Ketua Pengarah MSN, Datuk Zolkples Embong; Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran KBS, Saari Salleh; Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Wasitah Mohd. Yusof dan pegawai-pegawai KBS.

Mohd. Yasin dalam sidang akhbarinya berkata, setakat ini, KBS mempunyai tiga pusat sedemikian dan menyasarkan 20 pusat itu dibina sehingga akhir tahun ini.

Katanya, pusat itu yang telah siap dibina terletak di Parit Sulong, Pengerang dan Bera, sementara di Pulau Pinang, pusat kegiatan tersebut sedang dalam pembinaan.

Tambah beliau, KBS kini juga sedang menyediakan kemudahan Internet di pejabat sukan daerah untuk kemudahan orang ramai.

"Menjelang Julai ini, terdapat sekurang-kurangnya

**Kemudahan tersebut bakal dilengkapkan dengan peralatan, perisian dan talian *online*.**

114 pejabat sukan daerah yang mempunyai akses Internet.

Sementara itu, Mohd. Yasin berkata, sebanyak 315,000 pemuda telah menyertai program Rakan Muda pada tahun lalu.

Katanya, jumlah itu meningkat sebanyak lima peratus berbanding 287,000 ahli pada 2006.

"Kami (KBS) menyasarkan bilangan ahli bertambah sebanyak 10 peratus pada tahun ini," katanya.

Julai tahun lalu, Kementerian Belia dan Sukan memperuntukkan RM52,000 kepada setiap 219 kawasan Parlimen bagi mewujudkan pusat kegiatan Rakan Muda di kawasan masing-masing.

Pada majlis pelancaran tersebut, Mohd. Yasin turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan pidato yang diadakan pada sebelah pagi.

Bagi kategori institusi pengajian tinggi (IPT), Mohd. Syamsul Salleh dari Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapat tempat pertama, Mohd. Sharifudin Nazri dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mendapat tempat kedua, manakala Siti Nor Hidayah Mustapha juga dari UTM mendapat tempat ketiga.

Untuk kategori belia, Mohd. Daud Mat Din dari Negeri Sembilan dipilih sebagai johan manakala Mohd. Raihan Abd. Khalip (Kuala Lumpur) mendapat tempat kedua dan Norzyah Sabri (Perak) di tempat ketiga.